

# 'Hormati konsensus Majlis Presiden'

BH-23/2/2020 m/s: 2

Presiden PKR gesa ahli, pemimpin parti sokong keputusan

Oleh Mahani Ishak, Ahmad Suhael Adnan, Muhammad Yusri Muzamir dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesah ahli dan pemimpin parti serta penyokongnya supaya menghormati keputusan peralihan kuasa yang dicapai dalam mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH), malam kelmarin.

Jelasnya, keputusan yang memberi 'kuasa mutlak' kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menentukan proses peralihan kuasa, dicapai secara konsensus selepas mengambil kira pandangan pelbagai pihak.

Sehubungan itu, Anwar tidak membenarkan mana-mana pimpinan PKR mengkritik atau mengemukakan keputusan terbabit, selain merayu kumpulan lain menghormati hasil mesyuarat berkenaan.

"Apa yang kita capai semalam (kelmarin) adalah konsensus, termasuk oleh saya dan PKR. Oleh yang demikian, PKR dan rakan lain harus hormati keputusan ini.

"Saya hanya boleh arah parti sahaja, pihak lain saya boleh gesa supaya hormati keputusan ini kerana tumpuan kita adalah ekonomi dan menghadapi kesan COVID-19.

"Itu yang menyebabkan kita mengambil keputusan sedemikian. Saya rayu dan gesa rakan-rakan hormati keputusan ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri Himpunan Enam Dekad Keluarga Besar Persatuan Ke-



Anwar menyampaikan ucapan pada majlis Himpunan Enam Dekad Keluarga Besar PKPIM, di Bangi, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

bangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Otai Reformis yang tetap mahu turun ke jalan raya bagi menuntut peralihan kuasa daripada Dr Mahathir kepada Anwar diadakan Mei depan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH malam kelmarin berkata, mesyuarat Majlis Presiden PH selama hampir tiga jam, sebulat suara bersetuju beliau menentukan sepenuhnya proses dan tempoh peralihan kuasa Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beberapa portal melaporkan mesyuarat itu berlangsung dalam keadaan tegang, termasuk Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) sedia mempertimbang keluar daripada PH jika Dr Mahathir terus didesak melepaskan jawatan.

Mengulas laporan itu, Anwar menyifatkan ketegangan dalam mesyuarat terbabit sebagai perkara biasa dan sebahagian dari-

pada proses demokrasi dan kebebasan bersuara dalam kalangan parti komponen PH.

"Yang penting, tiada orang pertikai adanya peralihan kuasa, tiada orang pertikai keputusan Tun Mahathir Perdana Menteri ketujuh, Anwar Perdana Menteri kelapan.

"Cuma waktu itu kita fikir keadaan yang sesuai dan serahkan kepada kebijaksanaan Tun Ma-

hathir," katanya.

Berhubung sentimen kegagalan mesyuarat itu menetapkan tarikh peralihan kuasa kerana Anwar tidak mendapat sokongan mencukupi daripada Ahli Parlimen, beliau menyifatkannya sebagai propaganda politik.

Sementara itu, Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata semua

## Sepakat serah kepada PM

**Putrajaya:** Mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) malam kelmarin, sepakat menentukan peralihan kuasa Perdana Menteri kini terletak sepenuhnya di tangan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat panjang lebar malam kelmarin, secara keseluruhannya ter-

arah kepada masa depan parti.

"Peralihan berlaku lepas APEC (Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik), *no time, no date, no nothing* (tiada masa, tiada, tarikh, tiada apa pun).

"Semuanya terpulung pada saya sama ada nak lepas atau tidak. Itu kepercayaan parti kepada saya," katanya.

pihak memberi pandangan dan menimbang setiap perkara susulan keputusan mesyuarat malam kelmarin.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata kerajaan berfungsi seperti biasa walaupun menerima pelbagai spekulasi daripada penganalisis politik dan sebagainya.

"Semua pihak seharusnya menghormati keputusan itu dan banyak perkara lain turut dibincangkan," katanya pada Majlis Perasmian Pasar Raya Desa Segar di Dengkil, semalam.

Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, berkata PH akan memberi keutamaan kepada pemulihan semua instrumen negara.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, PH tidak seharusnya hilang fokus kerana Malaysia Baharu adalah mandat rakyat.

"Isu peralihan kuasa bukan fokus utama dalam PH," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, kenyataan menggambarkan suasana mesyuarat Majlis Presiden PH yang mengaitkan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu, hanya bersifat spekulasi.

Setiausaha Politik Presiden AMANAH, Mohd Azhar Mat Dali, menegaskan kenyataan itu bukan dikeluarkan oleh Menteri Pertahanan.

"Mohamad menjunjung tinggi prinsip kerahsiaan mesyuarat dan tidak menyebarkan sebarang butiran perbincangan berkaitan mesyuarat (Majlis Presiden PH) malam tadi (kelmarin) kepada khalayak mahu pun media.

"Justeru, Mohamad tiada kaitan sama sekali dengan cerita dan spekulasi disebarkan itu," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.